

# Pasukan petugas khas mengenai globalisasi ditubuh

KUALA LUMPUR 9 Ogos — Kerajaan telah menubuhkan pasukan petugas khas mengenai globalisasi yang sedang menyediakan Pelan Strategik Mengenai Globalisasi untuk mengenal pasti strategi-strategi bagi merebut peluang serta menangani kesan buruk globalisasi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pasukan petugas khas atau *Think Tank on Globalisation* itu diletakkan di bawah Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

Sehubungan itu, kata beliau yang juga Menteri Kewangan, Pusat Pembangunan Perkhidmatan Profesional dan Majlis Eksport Perkhidmatan Profesional Kebangsaan sedang ditubuhkan.

“Objektif pusat pembangunan tersebut adalah untuk meningkatkan daya saing global perkhidmatan profesional seperti jurutera, peguam dan pakar runding perniagaan, manakala majlis eksport itu akan meningkatkan promosi eksport perkhidmatan profesional,” katanya.

Dr. Mahathir berkata de-

mikian dalam jawapan bertulis kepada soalan Senator Nosimah Hashim mengenai pelaksanaan yang telah dan akan diambil bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negara terus mapan, maju dan mampu bersaing di peringkat globalisasi di Dewan Negara, hari ini.

Beliau berkata, bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negara terus mapan, maju dan mampu bersaing di peringkat globalisasi, kerajaan sentiasa mengamalkan dasar dan pendekatan yang pragmatik serta bersesuaian yang membolehkan ekonomi negara terus berdaya tahan dan berdaya asing di pasaran antarabangsa.

Katanya, antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil ke arah itu termasuk mewujudkan persekitaran dan perniagaan yang kondusif atau *pro-business environment* seperti mengurangkan kos kendalian perniagaan serta usaha untuk meningkatkan efisiensi.

“Maka itu, usaha-usaha dilaksanakan bagi mewujudkan tenaga kerja yang mahir dan berpengetahuan menerusi sistem pendidikan

yang menekankan sains dan teknologi (S&T), celik komputer, penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta inovasi.

“Di samping itu, menyediakan infrastruktur bertaraf dunia seperti lebuh raya, lapangan terbang, pelabuhan serta Koridor Raya Multimedia,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, sementara peraturan pentadbiran telah dikaji semula dan program e-kerajaan telah dilaksanakan untuk mempercepatkan proses kelulusan dan meningkatkan kecekapan.

Ke arah itu, ujarnya, kerajaan telah menubuhkan 91 sekolah bestari di bawah projek perintis, 11 universiti dan 2,400 makmal komputer di bawah fasa pertama di samping menyediakan peruntukan sebanyak RM27.4 bilion dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) bagi sektor pendidikan dan latihan serta S&T dan R&D.

“Semua dasar dan strategi tersebut terkandung dalam Rangka Jangka Panjang Ketiga dan RMK-8, Pelan Induk Sektor Kewangan dan Pelan Induk Pasaran Modal yang telah dilancarkan tahun ini.